

Ke arah reka bentuk beridentitikan Malaysia

UM - 1/6/2007

Oleh MARZUKI IBRAHIM

IDENTITI sesebuah negara memang kerap kali diperkatakan dan kadangkala menjadi satu topik yang begitu kontroversial untuk dibicarakan. Malaysia juga tidak terkecuali dalam perkara ini kerana negara ini didiami oleh rakyat daripada pelbagai kaum dan keturunan dengan fahaman dan agama yang berlainan, bahasa pertuturan, amalan gaya hidup dan adat resam yang pelbagai dan berbeza-beza.

Disebabkan perbezaan ini dan atas dasar mengelakkan perpecahan kaum dan penyatuan seni dan budaya, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971. Dasar ini merupakan satu asas untuk mentafsirkan identiti dalam konteks yang boleh diterima pakai oleh semua rakyat di Malaysia. Ia digubal dengan mempertimbangkan fakta-fakta perkembangan sejarah serantau dan kedudukan negara ini sebagai pusat pertemuan serta pusat tamadun dan perdagangan sejak dua ribu tahun yang lampau.

Terdapat tiga prinsip utama dasar ini iaitu;

(i) Berteraskan Kepada Kebudayaan Rakyat Asal Rantau Ini.

(ii) Unsur-Unsur Kebudayaan Lain Yang Sesuai dan Wajar Boleh Diterima dan

(iii) Islam Menjadi Unsur Yang Penting Dalam Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Selain daripada itu kerajaan juga telah memperkenalkan ideologi kebangsaan melalui Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru

bertujuan membetulkan ketidakseimbangan ekonomi yang wujud di antara kaum, Dasar Pendidikan Kebangsaan, bahasa Melayu (bahasa Malaysia) sebagai bahasa kebangsaan dan penubuhan Jabatan Perpaduan Negara.

Sama ada disadari oleh masyarakat umum atau tidak, penerapan identiti Malaysia dalam reka bentuk telah pun lama wujud di Malaysia. Ini boleh dilihat pada bangunan, pintu gerbang, arca, tiang lampu, barangan pengguna serta barangan kraf seperti piuter dan barang kemas. Bangunan Mara di Jalan Raja Laut Kuala Lumpur umpamanya adalah simbolik kepada reka bentuk beridentitikan Malaysia.

Identiti

Dengan blok podiumnya yang berbentuk perahu Melayu manakala mural pada dinding luar bangunan pula bermotifkan pucuk rebung dan awan larat yang telah disatukan membentuk motif pinggiran kain songket, seni tradisi orang-orang Melayu. Motif ini juga disulamkan dengan rupa-rupa anyaman tikar mengkuang yang melambangkan identiti Melayu di Malaysia.

Bangunan Perpustakaan Negara yang terletak di Jalan Tun Razak pula mencerminkan identiti Malaysia melalui konsep reka bentuknya yang berasaskan tengkolok tradisional Melayu.

Mengenai arca pula, terdapat beberapa arca di Klang Selangor dan di Jasin Melaka yang diilhamkan daripada bentuk keris dan

tengkolok.

Tengkolok melambangkan kerajaan beraja manakala keris pula sebagai simbol kekuatan dan kegagahan kaum Melayu. Reka bentuk beridentitikan Malaysia juga terserlah melalui reka bentuk tiang lampu di Putrajaya yang menjadikan wau bulan sebagai subjek rekaan. Reka bentuk wau dengan kemas "sulur bayu" menggambarkan nilai seni yang tinggi dalam masyarakat Malaysia khususnya kesenian orang-orang Melayu.

Wau bulan juga merupakan lambang kepada Penerbangan Malaysia (MAS). Reka bentuk tiang lampu di Klang Selangor pula mengadunkan motif awan larat dengan senjata tradisional orang-orang Melayu iaitu tombak dan keris. Adunan ini dengan jelas memperlihatkan keanggunan dan ketinggian seni orang-orang Melayu yang secara tidak langsung menyerlahkan identiti Malaysia.

Bagaimanapun dalam konteks reka bentuk produk terutamanya yang membabitkan pengeluaran massa pula, identiti Malaysia selalu sahaja dipinggirkan oleh kebanyakan pengeluar yang lebih mementingkan kepada mengaut keuntungan semata-mata.

Tiada inisiatif dibuat bagi mempertingkatkan imej produk yang dapat memperkenalkan dan mengangkat martabat negara ke peringkat yang lebih tinggi.

Hakikatnya perkara ini bukanlah sesuatu yang begitu sukar atau memerlukan peruntukan perbelanjaan yang tinggi untuk dilaksanakan. Identiti Malaysia boleh di-

serlah dan digayakan melalui penggunaan simbol-simbol, motif-motif, lambang atau bentuk serta warna yang diilhamkan daripada warisan kebudayaan Melayu yang ditampilkan ke atas sesuatu produk atau bahan tara. Ia secara tidak langsung menyerlahkan keperibadian Malaysia serta menimbulkan kecintaan dan kesetiaan kepada negara Malaysia.

Reka bentuk produk yang beridentitikan sesebuah negara amatlah penting. Penerapan identiti Malaysia dalam reka bentuk produk sebenarnya boleh memberi banyak kelebihan terutamanya dengan perubahan teknologi dan pasaran pada masa kini.

Pengeluar produk tempatan tidak lagi boleh berada dalam zon selesa sedia ada malah mesti melangkah setapak ke hadapan dengan mengeluarkan produk yang lebih kompetitif dan mempunyai nilai identiti yang tinggi dan tersendiri.

Mereka bentuk, keluar dan akhirnya memasarkan produk beridentiti Malaysia ibarat memelihara warisan bangsa dan memperkenalkan negara ke mata dunia. Dengan cara ini warisan kebudayaan Melayu akan terus dipelihara dan pada masa yang sama identiti Malaysia akan jelas tampil melalui reka bentuk produk yang dihasil dan dipasarkan.

□ PROF. MADYA DR. MARZUKI IBRAHIM ialah pensyarah Fakulti Seni Lukis & Seni Reka Universiti Teknologi Mara, Kelantan.